

££
B563
KAPAL

1976

KUALA LUMPUR, 10 JULAI (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI BERHARAP MALAYSIA DAPAT MEMPERGUNAKAN KAPAL-KAPAL SENDIRI UNTUK PERDAGANGAN SERANTAK DAN ANTARABANGSA TANPA BERGANTUNG KEPADA KAPAL-KAPAL ASING TIDAK LAMA LAGI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, LANGKAH TERSEBUT BOLEH MENJIMATKAN BERJUTA-JUTA RINGGIT DALAM BENTUK TUKARAN ASING DI SAMPING MENAIKKAN NAMA MALAYSIA DI BIDANG PERKAPALAN.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM PERUTUSAN SEMPENA UPACARA PENAMAAN DAN PENYAMPAIAN KAPAL RIMBA MERANTI KEPUNYAAN PERBADANAN PERKAPALAN ANTARABANGSA MALAYSIA (MISC) DI LIMBUNGAN IMARI, JEPUN.

DR. MAHATHIR DAN ISTERINYA, DR. SITI HASMAH, AKAN BERLEPAS KE JEPUN UNTUK MENYAKSIKAN UPACARA TERSEBUT PADA HARI KHAMIS.

DR. MAHATHIR MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA MISC ATAS SUMBANGANNYA KE ARAH PEMBANGUNAN EKONOMI MALAYSIA DENGAN MENGGUNAKAN KAPAL MENGANGKUT SEBAHAGIAN BESAR HASIL-HASIL NEGARA INI KE SEBERANG LAUT.

KATANYA, TAHUN LALU MALAYSIA MENGEKSPOT 6,971,857 TAN BALAK 50 KAKI PADI BERNILAI LEBIH \$1,000 JUTA PERSEMBUNG 1556/44

B566

KAPAL 2 KUALA LUMPUR

DENGAN ADANYA KAPAL YANG DIREKA KHAS UNTUK MENGANGKUT MUATAN BERAT INI, BELIAU YAKIN MISC DAPAT MEMBERIKAN KHIDMAT YANG LEBIH BAIK BAGI PERDAGANGAN NEGARA.

DR. MAHATHIR JUGA MENYATAKAN TERDAPAT PERTANDA-PERTANDA BAIK BAHAWA KEADAAN BAGI PASARAN BALAK AKAN PULIH.

"DENGAN ITU MALAYSIA BOLEHLAH MENGHARAPKAN LEBIH BANYAK BALAKNYA UNTUK DIEKSEKUT DI MASA DEPAN DAN KEMASUKAN MISC DALAM PERKHIDMATAN BALAK ADALAH KENA PADA TEMPATNYA," TAMBAHNYA.

PENGERUSI MISC, ENCIK KUOK HOCK NIEN BERKATA UPACARA ITU AKAN MEMBUKA SATU LAGI LAMBARAN BARU DALAM PEMBANGUNAN KEGIATAN PERKAPALAN BAGI PERBADANAN ITU.

KATANYA, RIMBA MELATI AKAN DISERTAI KEMUDIANNYA OLEH RIMBA RAMIN, RIMBAKERUING DAN RIMBA BALAU UNTUK MENGANGKUT BALAK DAN HASIL KAYU-KAYAN DARI MALAYSIA KE PASARAN-PASARAN TRADISI DI EROPAH BARAT LAUT DAN UNITED KINGDOM.

EMPAT BUAH KAPAL LAGI AKAN DILANCARKAN TAHUN DEPAN. -- BERNAMA

HM 1556